



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**21 April 2024
12 Syawal 1445H**

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	•
Berita Harian	• •
Harian Metro	• Kes pengeboman ikan: DOF ambil keterangan 2 lelaki
Kosmo	• 8 nelayan Indonesia ditahan tangkap ikan di perairan negara • Kes bom ikan telah dirujuk ke Jabatan Peguam Negara
Sinar Harian	• 'Tak perlu menyelam ke dasar laut untuk tengok ikan' • Bom ikan di Gerik: Pelaku tidak akan terlepas
The Star	• 1.5 million arowana exported last year
New Straits Time	•
Nanyang Siang Pau	•
Malaysia Gazette	•
The Sun	•
Malaysiakini	•
Bernama	•
Free Malaysia Today	•
Guan Ming Daily	•
Awani	•

UTUSAN MALAYSIA	KOSMO!	THE STAR	NANYANG SIANG PAU	MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN	SINAR HARIAN	THE SUN	ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO	NEW STRAITS TIMES	THE MALAY MAIL	PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN	POSITIF	NEGATIF	NEUTRAL	27	21.4.2024

Pusat Ikan Hiasan Port Dickson pameran lebih 500 hidupan marin termasuk batu karang, penyu

'Tak perlu menyelam ke dasar laut untuk tengok ikan'

Oleh SYAMILAH ZULKIFLI
PORT DICKSON

Mula dibuka kepada umum pada 2016, Pusat Ikan Hiasan Port Dickson di Teluk Kemang di sini memberi peluang kepada orang ramai untuk melihat secara dekat lebih 500 spesies hidupan marin.

Terletak di Batu 7, Jalan Pantai, Teluk Kemang, lokasi tersebut dibuka setiap hari kepada orang ramai tanpa mengenakan sebarang bayaran.

Sudah pasti ia sangat sesuai untuk ibu bapa yang mencari percutian bajet tetapi mampu memberi keseronokan, sekali gus menambah ilmu buat anak mereka.

Timbalan Pengarah Jabatan Perikanan Negeri Sembilan, Doreen Wee Siew Leen berkata, premis tersebut merupakan pusat jagaan hidupan laut di bawah kerajaan yang dikendalikan oleh Jabatan Perikanan.

"Fungsi asal pusat ini yang ditubuhkan pada 2009 adalah untuk penetasan udang galah, kemudian ditukar kepada pusat ikan hiasan air tawar pada 2011.

"Pada 2013, kita tukar tempat ini menjadi pusat ikan hiasan marin bersesuaian dengan sumber laut Port Dickson," katanya kepada *Sinar Ahad*.

Menurutnya, pengunjung yang datang ke pusat berkenaan berpeluang melihat lebih 500 spesies ikan hiasan marin, 100 jenis batu karang dan pelbagai spesies lain tanpa perlu menyelam ke dasar laut.

Siew Leen berkata, spesies yang menjadi tarikan utama pusat berkenaan ialah ikan inggu atau clownfish yang menjadi kesukaan kanak-kanak sebagaimana dipaparkan dalam filem animasi *Finding Nemo*.



Destinasi Sinar

"Sebahagian ikan ini kita dapat daripada nelayan tempatan yang menemuinya di perairan Port Dickson. Ada yang ditenak sendiri dan ada juga yang dibeli," katanya.

Jelas beliau, tarikan lain yang turut terdapat di pusat berkenaan ialah konservasi penyu karah dan agar.

"Tahun lalu sebanyak 2,300 telur telah ditetaskan dan 2,200 anak penyu telah dilepaskan. Ada juga yang diletakkan di pusat ikan hiasan ini bagi tujuan konservasi dan pendidikan.

"Biasanya kita hanya dapat tengok penyu di pantai tetapi di sini kita boleh tengok penyu pada bila-bila masa," katanya.

Dalam pada itu, menurut Siew Leen, pusat itu merupakan antara produk agropelancongan Port Dickson yang menjadi tarikan pelancong dari dalam dan luar negara.

Jelasnya, kehadiran pengunjung menunjukkan peningkatan ketara pada 2022 iaitu seramai 265,565 orang, manakala 2023 seramai 263,467 orang.

"Pengunjung bukan sahaja datang dari Negeri Sembilan tetapi seluruh Malaysia, manakala kehadiran pelancong luar negara pula kira-kira 3,000 orang setahun.

"Oleh itu kita sasarkan seramai 280,000 orang tahun ini. Jadi, kalau datang ke Port Dickson, jangan lupa singgah ke sini," katanya.



Pengunjung teruja melihat pelbagai jenis hidupan marin yang dipamerkan di Pusat Ikan Hiasan Port Dickson.

PUSAT IKAN HIASAN PORT DICKSON

- Masuk percuma
- Dibuka setiap hari
- Terletak di Teluk Kemang


TARIKAN UTAMA

- 500 spesies ikan marin
- 100 jenis batu karang
- Penyu karah dan agar

Ikan inggu antara spesies hidupan marin yang menjadi tarikan pengunjung.



Pusat Ikan Hiasan Port Dickson yang terletak di Teluk Kemang menarik lebih 260,000 pengunjung pada 2023.



Ikan kerapu albino yang dipamerkan di Pusat Ikan Hiasan Port Dickson.



Penyu karah antara hidupan marin yang boleh dilihat oleh pengunjung.

UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!		THE STAR	/	NANYANG SIANG PAU	MUKA SURAT	TARIK
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN	POSITIF	/	NEGATIF		NEUTRAL		4	21.4.2024

1.5 million arowana exported last year

BAGAN SERAI: A total of 1.5 million arowana fish of various species were exported abroad last year, says Fisheries Department director-general Datuk Adnan Hussain.

He added that the department will assist operators in obtaining Convention on International Trade in Endangered Species permits and ensure they follow proper guidelines to allow them to export arowana abroad easily and boost the export figure in the future.

"The types exported include hybrid, red, gold and albino, with high demand from China, Taiwan,

Hong Kong and Japan," he told reporters at an engagement event with arowana operators here yesterday.

An arowana fish fry release was also held at Bukit Merah Lake as part of the engagement session, with 100 of them worth RM150,000 being released, Bernama reported.

Adnan also shared that Perak is still the largest exporter of arowana for both domestic and foreign markets.

"Besides Perak, Johor, Melaka and Selangor are among the four states actively producing on a large scale for market purposes."



No fishy business: Adnan and Perak Fisheries director Mohd Ghazali A Manap (right) releasing the golden eel fish brood at the Ramah Mésra Sanai Programme and the Golden Eel Fish Brood Release Programme at Tasik Bukit Merah Sanctuary. — Bernama

UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!	/	THE STAR		NANYANG SIANG PAU	MUKA SURAT	TARIK
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN	POSITIF		NEGATIF	/	NEUTRAL		13	21.4.2024

8 nelayan Indonesia ditahan tangkap ikan di perairan negara

Oleh CHERINE JON

KUCHING – Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Sarawak menahan lapan nelayan Indonesia kerana menangkap ikan tanpa permit di perairan negara pukul 5.20 pagi kelmarin.

Pengarah Maritim Sarawak, Laksamana Pertama Maritim Kamal Ariffin Jusoh berkata, kesemua mereka yang menggunakan tiga bot itu dikesan KM Tun Fatimah ketika rondaan operasi di kedudukan lebih kurang 156 batu nautika Utara Tanjung Po.

“Setelah merapat dan melakukan pemeriksaan, terdapat lapan kru termasuk tekong berada di atas ketiga-tiga bot tersebut dan kesemua mereka dalam lingkungan umur antara 22 hingga 62 tahun.

“Pemeriksaan lanjut menda-

pati, ketiga-tiga bot berkenaan tiada nombor pendaftaran dan berasal dari Indonesia, dengan kesemua kru bot tidak memiliki pengenalan diri yang sah,” katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Beliau berkata, kru, bot dan hasil tangkapan ditahan serta diiring ke Jeti Kompleks Maritim Tun Abang Salahuddin (KOMTAS) di sini untuk tindakan lanjut.

Katanya nilai keseluruhan rampasan dianggarkan berjumlah lebih RM1 juta.

Kamal berkata, **siasatan dibuat di bawah Seksyen 15 (1) (a) Akta Perikanan 1985** kerana menangkap ikan di perairan negara.

“Siasatan turut dibuat di bawah Seksyen 6 (1) (c) Akta Imigresen 1959/63 kerana tidak memiliki dokumen pengenalan diri yang sah.



UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		MUKA SURAT	TARIK
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN	/	THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN	POSITIF		NEGATIF		NEUTRAL	/	31	21.4.2024	

Bom ikan di Gerik: Pelaku tidak akan terlepas

SH, MS 31, 21/4

BAGAN SERAI - Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) sedang melengkapkan kertas siasatan kes mengebom ikan di Sungai Singor dalam Hutan Simpan Temengor di Gerik sebelum diserahkan kepada Jabatan Peguam Negara.

Ketua Pengarahnya, Datuk Adnan Hussain berkata, setakat ini pihaknya sudah mengambil keterangan daripada dua lelaki bagi membantu siasatan.

"Siasatan awal dimulakan selepas mendapat laporan di media sosial. Kita merujuk kertas siasatan kepada Penasihat Undang-Undang Negeri Perak dan Jabatan Peguam Negara, namun terdapat ulasan bahawa perlu dilengkapkan lagi kertas siasatan.

"Kita akan menyiasat lebih ramai lagi dan dimaklumkan bahawa suspek kejadian ini berada di luar Perak dan akan hantar pegawai penyiasat untuk melengkapkan siasatan," katanya selepas merasmikan Program Ramah Mesra dan Pelepasan Induk Ikan Kelisa di Jeti Jabatan Pengiran dan Saliran (JPS) di Kampung Tepi Kolam, Tasik Bukit Merah di sini pada Sabtu.

Menurut Adnan, siasatan dijalankan secara bersama dengan Jabatan Perhutanan Negeri Perak sebelum dirujuk semula ke Jabatan Peguam Negara untuk tindakan lanjut.

Tambahnya, pihaknya tidak akan melepaskan dengan mudah perbuatan kumpulan berkenaan yang disifatkan tidak bertanggungjawab dan berbangga dengan kesalahan dilakukan.

"Hutan simpan sebenarnya tidak boleh masuk dan itu kesalahan pertama. Menangkap ikan kelah juga satu kesalahan di bawah Enakmen Perikanan Perak," katanya.

Sebelum ini tular rakaman video memaparkan sekumpulan lelaki menunjukkan hasil tangkapan ikan seperti kelah, tengas dan lampam.

Berikutan itu, Jabatan Perikanan menyiasat aktiviti tersebut yang dikatakan menangkap ikan dengan cara salah dan mencurigakan.



Adnan (tengah) menyampaikan cek Kebuniti Madani kepada peserta program.

UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		MUKA SURAT	TARIK
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO	/	NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN	POSITIF		NEGATIF		NEUTRAL	/	18	21.4.2024	

Kes pengeboman ikan: DOF ambil keterangan 2 lelaki

Bagan Serai: Jabatan Perikanan (DOF) sudah mengambil keterangan dua lelaki bagi membantu siasatan kes pengeboman ikan di Sungai Singgor, Hutan Simpan Temengor di Gerik, Hulu Perak.

Ketua Pengarahnya Datuk Adnan Hussain berkata, pihaknya sedang mengesan beberapa individu lain bagi siasatan kes berkenaan berikutan mereka didapati tinggal di luar Perak.

Menurutnya, DOF bersama Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia sudah memulakan siasatan sebelum Aidilfitri lalu dan berjumpa dengan pihak terbabit termasuk pengadu.

"Satu kertas siasatan te-



ADNAN

lah dibuka dan dirujuk dengan Penasihat Undang-Undang Negeri Perak dan Jabatan Peguam Negara.

"Kini kita masih melengkapkan kertas siasatan itu sebelum dirujuk semula kepada Jabatan Peguam Negara untuk tindakan selanjutnya.

"Pada masa sama, kita bersama Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia sedang dalam perbincangan bagi menambah baik prosedur operasi standard (SOP) bagi kawasan hutan simpan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas merasmikan Program Ramah Mesra dan Pelepasan Induk Ikan Kelisa di Jeti Jabatan Pengiran dan Saliran (JPS) di Kampung Tepi Kolam, Tasik Bukit Merah, Gunung Semanggol di sini, semalam.

Dalam program itu, DOF turut melepaskan secara berperingkat 100 ekor induk ikan kelisa emas sejak 17 April lalu dengan kos RM150,000.

UTUSAN MALAYSIA	KOSMO!	✓	THE STAR	MANYANG SIANG PAU	MUKA SURAT	TARIK
BERITA HARIAN	SINAR HARIAN		THE SUN	ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO	NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL	PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN	POSITIF		NEGATIF	NEUTRAL	1	8
						21.4.2024

Kes bom ikan telah dirujuk ke Jabatan Peguam Negara

Kosmo, ms 8, 29 hb



BAGAN SERAI – Kes sekumpulan lelaki didakwa menggunakan bom ikan di sungai dalam kawasan Hutan Simpan Temengor, Hulu Perak telah dibuka dan kini dalam proses untuk melengkapkan siasatan.

Ketua Pengarah Jabatan Perikanan Malaysia, Datuk Adnan Hussain berkata, pihaknya sebelum ini telah menghantarnya ke Pejabat Peguam Negara.

Katanya, kertas siasatan telah dibuka dan merujuk kepada Penasihat Undang-Undang Negeri Perak serta Jabatan Peguam Negara.

"Cuma kita dinasihatkan oleh Jabatan Peguam Negara untuk melengkapkan siasatan. Sekarang ini, kita masih lagi berusaha untuk melengkapkan siasatan.

"Apabila siasatan lengkap kita akan rujuk semula kepada Jabatan Peguam Negara untuk tindakan selanjutnya. Kita laksanakan secara bersama dengan Jabatan Perhutanan," katanya.

Beliau berkata demikian pada program ramah mesra santai Ketua Pengarah Perikanan bersama pemegang taruh santuari ikan Kelisa Bukit Merah dan pelepasan induk ikan Kelisa Emas di Tasik Bukit Merah di sini semalam.

Pada 16 Mac lalu, komuniti pemancing bersama penduduk tempatan menggesa tindakan segera diambil terhadap sekumpulan individu yang didakwa menggunakan bom ikan di sungai dalam hutan simpan tersebut.

Berkenaan siasatan, Adnan

berkata, setakat ini dua individu telah disiasat dan lebih ramai lagi akan disiasat.

"Kita dimaklumkan bahawa suspek kejadian ini di luar negeri Perak dan kita akan hantar pegawai penyiasat kita ke sana untuk melengkapkan siasatan.

"Yang berlaku kita telah lengkapkan siasatan, tetapi terdapat ulasan daripada Jabatan Peguam Negara yang menyatakan bahawa perlu dilengkapkan lagi kertas siasatan.

"Kerana itulah kita mengambil inisiatif selepas hari raya ini, dalam masa terdekat kita akan memanggil atau pergi ke tempat suspek untuk melengkapkan siasatan. Kita tidak akan melepaskan dengan mudah perkara ini," katanya.

TANGKAP layar video menunjukkan sekumpulan lelaki bermegah dengan hasil tangkapan mereka dipercayai di Sungai Singor, Hutan Simpan Temengor, Gerik.